

SH 29/6/14 WCS 54

Jambatan ketiga Klang siap 2016

SHAH ALAM - Jambatan Ketiga Klang yang dijangka siap 13 Julai 2016 dijangka mampu mengurangkan kesesakan di sekitar bandar Klang, Jambatan Tengku Kelana dan Jambatan Kota hampir 20 peratus berbanding aliran trafik, sebelum ini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, keputusan itu diperoleh hasil kajian yang dijalankan Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor, sebelum pembinaan Jambatan Ketiga Klang dimulakan pertengahan bulan depan.

"Kajian JKR Selangor, secara purata sebanyak 43,000 kenderaan menggunakan Jambatan Tengku Kelana dan 147,087 di Jambatan Kota bagi setiap 16 jam tetapi dengan adanya Jambatan ketiga Klang ini boleh atasi kesesakan kira-kira 60,000 kenderaan.

"Jambatan itu nanti mampu menampung jumlah kenderaan sehingga tahun 2032," katanya dalam sidang media.

Projek pembinaan jambatan ini meng-

gunakan wang rizab kerajaan negeri dan proses tender terbuka untuk projek itu dibuka 19 Mac dan ditutup pada 22 April lalu.

Menurutnya, skop kerja utama kontraktor meliputi kerja-kerja struktur seperti cerucuk, tiang jambatan dan segmental box girder selain kerja-kerja pelebaran jalan dan menaik taraf sistem perparitan.

Dalam pada itu, Pengarah JKR Selangor, Datuk Ir Hamizan Mohd Inzan menjelaskan, pembinaan jambatan itu nanti tidak akan menyebabkan longgokan mendapan sampah dan menghalang lalu lintas pengangkutan air di Sungai Klang.

"Kita akan pastikan pembinaan itu nanti mematuhi piawaian ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, jambatan itu menghubungkan Jalan Tanjung Shawal dan Jalan Sungai Bertih yang akan dibina dalam dua fasa iaitu fasa pertama, pembinaan jambatan, manakala fasa kedua untuk kerja pelebaran jalan.



Jambatan ketiga Klang dijangka siap 13 Julai 2016.